

ASMATEN SYRUP

Ketotifen (1mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan ASMATEN SYRUP
2. Bagaimana ASMATEN SYRUP berfungsi
3. Sebelum mengambil ASMATEN SYRUP
4. Cara menggunakan ASMATEN SYRUP
5. Semasa menggunakan ASMATEN SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ASMATEN SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan ASMATEN SYRUP

ASMATEN SYRUP digunakan bagi pencegahan jangka panjang asma bronkial, alahan bronkitis (bengkak dan radang pada saluran udara utama ke paru-paru), simptom asma berkaitan dengan demam alergi. Ia juga digunakan untuk mencegah dan merawat alahan multi-sistem, rhinitis alergi (radang pada saluran pernafasan hidung), alahan reaksi kulit.

Bagaimana ASMATEN SYRUP berfungsi

ASMATEN SYRUP mengandungi bahan aktif *ketotifen fumarate*. Ianya adalah antihistamina yang mempunyai sifat anti-alergi.

ASMATEN SYRUP juga merupakan ubat anti-asma. Ketotifen fumarate adalah ubat anti-asma yang bukan bersifat bronkodilator (tidak melegakan otot-otot bronkus), dengan sifat anti-anafilaksi (keadaan penyahpekaan terhadap antigen)

dan kesan antihistamina yang spesifik.

Di dalam keadaan alahan/alergi, sesetengah bahan yang dikenali sebagai histamina akan dihasilkan di dalam badan. Inilah yang akan mencetus tindakbalas inflamasi atau radang.

Cara antihistimina berfungsi adalah dengan mencegah pengeluaran histamina daripada sel-sel tertentu. Dengan itu, tindak balas alahan dapat dikurangkan.

Sebelum mengambil ASMATEN SYRUP

- Bila tidak boleh mengambil
Jangan mengambil ASMATEN SYRUP jika anda mempunyai alergi kepada:
 - sebarang ubat yang mengandungi ketotifen.
 - sebarang bahan kandungan yang tersenarai di akhir risalah ini.

Antara gejala-gejala reaksi alahan termasuklah kesesakan nafas, berdehit dan kesukaran untuk bernafas; bengkak pada muka, bibir, lidah atau lain-lain anggota badan, ruam,gatal-gatal atau merah-merah pada kulit.

Jangan mengambil ubat ini jika pembungkusan koyak, terdapat tanda salahguna atau jika ia tidak berada dalam keadaan yang baik.

Sekiranya ubat ini telah loput atau rosak, pulangkan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sekiranya anda harus mula mengambil ubat ini, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Sebelum mula mengambil

Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ASMATEN SYRUP jika:

- Anda mempunyai diabetes

Maklumkan ahli farmasi anda atau doktor anda jika anda alah kepada sebarang ubat, makanan, pewarna atau pengawet.

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda jika anda hamil atau merancang untuk hamil atau menyusukan anak.

Ahli farmasi atau doktor anda boleh berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat yang terlibat.

Jika anda belum memaklumkan ahli farmasi atau doktor anda, maklumkan mereka sebelum anda menggunakan ASMATEN SYRUP.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, dan kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan ASMATEN SYRUP boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ketotifen fumarate mungkin meningkatkan kesan sedatif, hipnotik, antihistamina dan alkohol.

Doktor dan ahli farmasi anda mungkin mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian atau yang perlu dielakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan ASMATEEN SYRUP

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak (berumur 3 tahun ke atas)

Dos kebiasaan adalah 1mg (5ml) dua kali sehari.

Kanak-kanak (berumur 3 tahun ke bawah)

Dos kebiasaan adalah 0.5mg (2.5ml) dua kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ambil ASMATEEN SYRUP seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil ubat anda selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terlebih ambil ASMATEEN SYRUP, maklumkan doktor anda atau pergi ke hospital berdekatan secepat mungkin. Bawa ubat anda bersama supaya mereka dapat melihat apa yang anda telah makan.

Simptom-simptom terlebih dos

- Kesan mengantuk ke sedasi yang teruk
- Kekeliruan dan disorientasi
- Takikardia (kadar denyutan jantung yang cepat) dan hipertensi (tekanan darah tinggi)
- Sawan terutamanya di kalangan kanak-kanak
- keterujaan pada kanak-kanak
- koma

Semasa menggunakan ASMATEEN

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda dengan segera, jika anda hamil ketika mengambil ASMATEEN SYRUP.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sedang mengambil ASMATEEN SYRUP

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ASMATEEN SYRUP.

Jika anda mendapat jangkitan semasa mengambil ASMATEEN SYRUP, beritahu doktor anda.

Beritahu doktor anda jika anda rasa ASMATEEN SYRUP tidak membantu keadaan anda.

Doktor anda mungkin perlu menukar ubat anda.

Beritahu doktor anda jika, atas apa-apa sebab, anda tidak mengambil ubat anda seperti yang diarahkan.

Jika tidak, doktor anda akan menuarkan rawatan anda walaupun tidak perlu.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil ubat anda untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ASMATEEN SYRUP mempengaruhi anda.

Anda mungkin berasa tindak balas anda menjadi lebih perlahan daripada biasa semasa menjalani rawatan untuk beberapa hari yang pertama. Sesetengah orang akan berasa mengantuk dan pening. Jika anda menghadapinya dalam apa jua keadaan, anda tidak patut memandu atau melakukan perkara-perkara yang memerlukan anda berwaspada (seperti mengendalikan mesin atau alatan) sehingga masalah dikenal pasti dan ditangani.

ASMATEEN SYRUP mungkin akan meningkatkan kesan alkohol. Jangan minum alkohol semasa anda mengambilnya.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan yang lain, ASMATEEN SYRUP boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan pada semua orang.

Berikut adalah senarai kesan sampingan yang pernah dilaporkan:

- Sedatif
- Mulut kering
- Pening
- Berat badan bertambah

Beritahu doktor anda jika anda mendapatkan apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan ASMATEEN SYRUP

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek atau botolnya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek atau botolnya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang sejuk dan kering pada suhu bawah 25°C.

Jangan simpan ASMATEEN SYRUP atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan ASMATEEN SYRUP di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil ASMATEEN SYRUP atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair berwarna jernih.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Setiap 5ml ASMATEEN SIRUP mengandungi *Ketotifen Fumorate* bersamaan dengan *Ketotifen* 1mg

Bahan-bahan tidak aktif:

- Sirap glukosa
- *Sosweet*
- *Citric acid*
- *Perasa nanas*
- *Methyl paraben*
- *Propyl paraben*
- *Propylene glycol*
- *Sodium saccharin*

- Nombor MAL

MAL19950159A

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Produk Pendaftaran

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP 09/02/2015

Tarikh kemaskini RIMUP BPFK(R4/1)090215/00030